



## SIARAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

16 MAC 2017

---

#### PENAFIAN TULAR GELOMBANG PANAS SEMASA FENOMENA EKUINOKS

---

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan tular berkaitan gelombang haba yang melanda semasa Fenomena Ekuinoks yang telah tersebar luas melalui media sosial.

Untuk makluman, Fenomena Ekuinoks merupakan fenomena astronomi yang berlaku dua kali setahun iaitu pada 20 Mac dan 23 September apabila matahari melintasi khatulistiwa. Dalam tempoh tersebut kedudukan matahari adalah tegak di atas kepala di rantau Khatulistiwa.

Memandangkan Negara terletak berhampiran khatulistiwa, terdapat sedikit kenaikan suhu harian dalam tempoh tersebut sekiranya tiada liputan awan. Walau bagaimanapun kenaikan suhu dijangka tidak menyebabkan gelombang haba seperti mana yang disebarluaskan.

Orang awam dari semasa ke semasa dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat sahih dari laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), aplikasi mobil myCuaca, facebook: malaysiamet, twitter: @malaysianmet atau MetMalaysia Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**